

26/08/1997

Usah panjangkan isu surat layang

SHAH ALAM, Isnin - Datuk Seri Anwar Ibrahim percaya beberapa tokoh bermotifkan politik, terbabit dalam merancang dan mendalangi usaha menjatuhkannya melalui pelbagai bentuk fitnah dan surat layang.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, surat layang terbaru yang menuduh kononnya beliau terbabit dalam skandal seks bukan pertama kali dilakukan oleh golongan berkenaan.

"Ia bukan sedikit. Ia datang bertalu-talu... tujuh lapan surat membabitkan belasan orang dengan saya," katanya selepas melancarkan sambutan Hari Wanita 1997 di Dewan Jubli Perak di sini, hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengesahkan surat layang terbaru mengenai Anwar semalam, menyifatkan ia adalah fitnah untuk mensabotaj dan menjatuhkan imej timbalannya itu, yang dilihat sebagai pemimpin yang akan menggantikannya.

Menurut Dr Mahathir, kandungan sepucuk surat yang mendakwa kononnya Timbalan Perdana Menteri terbabit dalam skandal seks itu ditulis oleh pihak tertentu untuk memberi gambaran tidak baik mengenai Anwar supaya tidak dapat menggantikannya.

Anwar yang kelihatan tenang ketika dikerumuni pemberita hari ini berkata, perbuatan golongan itu sentiasa dilakukan dari semasa ke semasa dan menjadi begitu ketara setiap kali menjelang pemilihan parti atau pilihan raya umum.

"Seperti ditegaskan oleh Perdana Menteri, ini adalah fitnah. Ia bermotif politik. Jadi, nasihat Perdana Menteri ialah dia kata ini tidak ada asas dan tidak mungkin orang menerima tohmahan begitu kerana terlalu banyak.

"Saya dapati sekarang ada tujuh lapan surat daripada pelbagai kalangan yang bertandatangan dan tidak bertandatangan. Ia isu berat tetapi keluarga saya dapat menerima perkara ini kerana ia bukan pertama kali berlaku," katanya.

Ditanya sama ada fitnah itu dilakukan oleh orang Umno, beliau berkata: "Tidak penting siapa yang saya syak tapi yang penting ia sudah pun selesai. Seperti mana kata PM semalam, kita tak perlu panjangkan," katanya.

(END)